

CERITEC FILM COATED TABLET

Cetirizine Hydrochloride (10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

Risalah ini mengandungi informasi berikut:

1. Apakah kegunaan CERITEC TABLET
2. Bagaimana CERITEC TABLET berfungsi
3. Sebelum menggunakan CERITEC TABLET
4. Cara menggunakan CERITEC TABLET
5. Semasa menggunakan CERITEC TABLET
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan CERITEC TABLET
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan CERITEC TABLET

CERITEC TABLET digunakan untuk melegakan simptom alahan seperti mata merah, berair, gatal; bersin; dan hidung berair yang disebabkan oleh alahan, demam jerami atau selesema biasa. Ubat ini juga digunakan untuk merawat urtikaria, keadaan kulit yang dicirikan oleh simptom seperti bengkak, kemerahan dan gatal-gatal.

Bagaimana CERITEC TABLET berfungsi

CERITEC TABLET merupakan ubat antihistamina yang tidak akan menyebabkan kesan mengantuk. Ubat ini berfungsi dengan menyekat tindakan histamina, sejenis bahan biologi yang dihasilkan oleh badan akibat pendedahan kepada alergen tertentu yang menyebabkan gejala alahan.

Sebelum mengambil CERITEC TABLET

Bila tidak boleh mengambil

Apabila anda alah terhadap cetirizine. Elakkan daripada mengambil CERITEC TABLET jika mengandungi (dalam tempoh tiga bulan pertama kehamilan) atau tempoh penyusuan.

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun menghadapi sebarang masalah kesihatan lain.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Minta nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda ingin menggunakan CERITEC TABLET bersama dengan ubat yang lain. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil sebarang ubat, termasuk ubat yang tidak memerlukan

preskripsi. Cetirizine harus digunakan dengan berhati-hati sekiranya sedatif diambil bersama.

Cara menggunakan CERITEC TABLET

Berapa banyak harus diambil

Dewasa: 10mg sekali sehari.

Kanak-kanak >6 tahun: 5mg dua kali sehari atau 10mg sekali sehari.

Kanak-kanak berusia 3-6 tahun: 2.5mg dua kali sehari atau 5mg satu kali sehari.

Dos harian harus dikurangkan sebanyak separuh jika anda mempunyai masalah buah pinggang.

Bila perlu diambil

CERITEC TABLET perlu diambil mengikut masa yang dinasihatkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Ubat ini boleh diambil bersama atau tanpa makanan.

Berapa lama perlu diambil

CERITEC TABLET perlu diambil mengikut nasihat doktor anda.

Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa satu dos dan anda mengambil ubat ini secara berterusan, ambil dos itu secepat mungkin. Jika mendekati masa pengambilan dos yang kedua, jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa, kecuali dinasihati oleh doktor. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Simptom mengambil berlebihan adalah mengantuk.

Semasa menggunakan CERITEC TABLET

Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor anda.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini atau mengubah pengambilan dos tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun simptom mereka serupa dengan anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan pengambilan alkohol semasa rawatan dengan CERITEC TABLET. Elakkan memandu kereta atau mengendalikan jentera yang berbahaya selepas mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

CERITEC TABLET mungkin akan menyebabkan agitasi, mulut kering dan sakit kepala. Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang kesan sampingan yang lain.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550 atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumer→Reporting).

Cara penyimpanan dan pelupusan CERITEC TABLET

Cara penyimpanan


Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada cahaya dan kelembapan. Simpan dalam bekas kedap udara.

Cara pelupusan

CERITEC TABLET perlu dilupuskan apabila doktor atau ahli farmasi menyuruh anda berhenti mengambil ubat ini atau ubat ini telah luput tarikh. Sila bertanya kepada ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

CERITEC TABLET merupakan tablet bersalut filem yang berwarna putih, salah satu permukaannya ditandakan dengan dua huruf "Y" yang dipisahkan oleh satu garisan di bahagian tengah. "  "

Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif-

Cetirizine Hydrochloride

Bahan tidak aktif-

Lactose

Corn Starch

Polyethylene glycol

Isopropyl alcohol

Magnesium stearate
Hydroxypropyl methylcellulose
Titanium dioxide
Dimethylpolysiloxane

Nombor MAL

MAL 04125487AZ

Pengilang

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13, Kawasan
Perindustrian Bandar Baru Bangi, 43000
Kajang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P Industries (M) Sdn. Bhd.
Lot 3,5 & 7, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi,
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP :

29 Mei 2015

Nombor siri

BPFK(R4/1)080515/00097